

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]
[BERUAS]**

TARIKH : 27.5.2015

SOALAN :

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapa pengambilan Kursus Pengurusan Lulusan Ijazah (KPLI) diberhentikan sejak tahun 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kursus Pengurusan Lulusan Ijazah (KPLI) telah dikendalikan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak 1989. Program ini dilaksanakan sebagai langkah untuk menampung keperluan guru-guru siswazah di sekolah menengah. Bermula Januari 2012, IPGM telah melaksanakan program Diploma Perguruan Lulusan Ijazah (DPLI) dan ditawarkan kepada calon yang berminat mengikuti bidang perguruan setelah memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam pelbagai bidang perguruan setelah memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam pelbagai bidang daripada universiti tempatan dan luar negara. Program DPLI yang ditawarkan di Institut Pendidikan Guru (IPG) berdasarkan unjuran keperluan guru oleh KPM.

RJM54